



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **TEKS UCAPAN**

**YB HAJAH AIMAN ATHIRAH BINTI SABU  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS SAMBUTAN  
HARI WARGA EMAS PERINGKAT KEBANGSAAN 2023**

**1 Oktober 2023 (Ahad) | 3.30 petang |  
Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

## **SALUTASI**

1. Segala puji dan rasa syukur dirafakkan ke hadrat ALLAH Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan inayah-Nya dapat kita meraikan **SAMBUTAN HARI WARGA EMAS PERINGKAT KEBANGSAAN** pada tahun ini.

1. Alhamdulillah, pada tahun ini, kita kembali meraikan sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan, sebagai sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera.
2. Tema “**Memartabatkan Hak Warga Emas: Merentas Generasi**” sempena Sambutan Hari Warga Emas tahun ini adalah untuk menghargai dan memperingati peranan penting yang telah dilaksanakan oleh warga emas kepada kemajuan dan kemakmuran negara.
3. Penghormatan oleh generasi muda terhadap hak-hak warga emas adalah penting dalam membina masyarakat yang penyayang ke arah sebuah negara yang harmoni. Ianya perlu berkesinambungan agar kekal merentas generasi

## **A) MALAYSIA MENUJU NEGARA TUA**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Malaysia dijangka akan mencapai status negara tua atau *aged nation* pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduk merupakan warga emas berdasarkan definisi warga emas iaitu 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh United Nation World Assembly on Ageing di Vienna, 1982.
5. Data Banci Penduduk dan Perumahan 2020 menunjukkan peratusan penduduk Malaysia berumur 60 tahun dan ke atas meningkat daripada 8% (2 juta) pada tahun 2010 kepada 10.4% (3.4 juta) pada tahun 2020. Malaysia mencatatkan peningkatan jangka hayat kepada 75.6 tahun pada tahun 2020 berbanding 63.6 tahun 1970. Oleh itu, tindakan secara proaktif telah dan sedang diambil untuk memastikan kesejahteraan kumpulan sasar melalui penyediaan perkhidmatan kebajikan kepada warga emas.
6. Peralihan ini tentunya memberikan kesan kepada pembangunan sosioekonomi dan kedudukan fiskal negara sekiranya tidak diberikan perhatian serius. Kesan yang paling ketara ialah penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti serta peningkatan komitmen kewangan Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kepada lebih ramai warga emas.
7. Bagi menghadapi cabaran dan dampak negara menua, Kerajaan sedang membangunkan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan. Usaha bersepadu perlu digembleng dalam merangka pelan dan strategi bagi memastikan program pembangunan inklusif dan menyeluruh mengambil kira dinamik perubahan corak kehidupan semasa. Pemerksaan warga emas harus menjadi keutamaan demi kelestarian masa depan. Warga emas berhak menikmati hak sama rata tanpa mengira latar belakang melalui sokongan dari segi

penjagaan kesihatan, kebajikan dan sosioekonomi untuk menghadapi hari tua.

8. Langkah ini penting untuk memastikan Malaysia berada di landasan yang tepat ke arah merealisasikan agenda ketiga Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), yakni melindungi kesihatan dan kesejahteraan rakyat sejajar resolusi Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

## **B) INISIATIF KERAJAAN MELALUI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT KEPADA WARGA EMAS**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

9. Perneriksaan warga emas menjadi keutamaan demi kelestarian mereka pada masa hadapan. Apa yang pasti, warga emas berhak menikmati hak-hak asasi mereka dengan sama rata tanpa mengira latar belakang melalui sokongan dari segi penjagaan kesihatan, kebajikan dan sosioekonomi untuk menghadapi hari tua.
10. Dalam persiapan negara menghadapi negara tua pada 2030, kerajaan telah memulakan langkah awal dengan meletakkan kebajikan dan kepentingan warga emas sebagai keutamaan. Bagi mendepani cabaran penuaan penduduk, usaha bersepadu

perlu digembleng dalam merangka pelan dan strategi jangka sederhana dan panjang. Ini bagi memastikan program pembangunan inklusif dan menyeluruh mengambil kira dinamik perubahan corak kehidupan semasa.

11. Alhamdulillah, kepimpinan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah bergerak mengusahakan beberapa inisiatif penting dengan objektif memperkasa warga emas. Antaranya adalah:
12. **PERTAMA:** Program Intergenerasi menepati tema merentas generasi untuk sambutan Hari Warga Emas tahun ini. Pada tahun 2022 sebanyak 14 Program Intergenerasi telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 3,909 orang terdiri daripada 1,930 warga emas, 1,140 remaja dan 875 kanak-kanak. Bagi tahun 2023 sehingga September sebanyak 8 program telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 2,738 orang.
13. **KEDUA:** Bagi mendepani cabaran Negara Menua 2030, Kerajaan mensasarkan untuk menubuhkan lebih banyak Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) berasaskan kepada populasi warga emas di satu-satu kawasan. Adalah diharapkan dengan pertambahan penubuhan PAWE ini, maka Warga Emas dapat terus menjalankan aktiviti dalam komuniti, lantas melahirkan warga emas yang SIHAT, AKTIF, PRODUKTIF dan POSITIF; seterusnya mengurangkan kemasukan dan kebergantungan warga emas kepada institusi kebajikan.
14. **KETIGA:** Memperluaskan kerjasama strategik dengan Government Listed Company (GLC) bagi membantu kerajaan dalam memberi perkhidmatan kepada warga emas.  
Tanggungjawab Sosial Korporat/Corporate Social Responsibility merupakan salah satu usaha kerjasama strategik antara Kementerian dengan rakan strategik iaitu agensi kerajaan, sektor korporat, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan individu

untuk membantu Jabatan dalam memelihara kebajikan kumpulan sasar selaras dengan konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”

15. Melalui sinergi multi-sektoral ini, semua lapisan masyarakat memainkan peranan serta memikul tanggungjawab bersamasama untuk memberi sokongan sosial kepada golongan yang memerlukan bagi menangani isu yang dihadapi, memperkasa komuniti dan seterusnya membela kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Pada hari ini Kementerian akan memberi satu bentuk penghargaan yang dinamakan “Prihatin Warga Emas kepada pihak yang telah memberi sumbangan yang bermanfaat bagi keperluan dan kebajikan kepada perkhidmatan warga emas

### **C) INISIATIF EKONOMI MADANI DALAM MEMPERKASA WARGA EMAS**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

17. Hasrat kerajaan melalui inisiatif Ekonomi Madani adalah untuk memartabatkan hak dan perlindungan kepada warga emas melalui pendekatan holistik iaitu Jaringan Perlindungan Sosial untuk Semua yang memberi penekanan untuk memastikan jaringan keselamatan sosial ditingkatkan ke tahap munasabah bagi melindungi rakyat sekiranya berlaku hal-hal tidak diingini antaranya program bantuan tunai dan program Rahmah. Inisiatif Ekonomi Penjagaan (*Care-Economy*) berupaya meningkatkan kadar penyertaan wanita di alam pekerjaan dan menangani isu sistemik seperti kerja-kerja penjagaan tanpa gaji, diskriminasi jantina serta dasar sokongan keluarga. Pendekatan pembelajaran

sepanjang hayat yang lebih progresif dengan menyediakan laluan pembelajaran sepanjang hayat untuk semua dengan menyediakan laluan pembelajaran sepanjang hayat dalam apapun kemahiran yang ingin rakyat pelajari.

18. Saya mengharapkan agar hala tuju baharu perkhidmatan warga emas yang dirancang dibawah RMK-12 antaranya seperti pewujudan Pangkalan Data Berpusat Warga Emas (eWE) dan pemerkasaan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dapat memberi impak nyata terhadap kesejahteraan warga emas di negara ini.
19. Pada masa sama, Pelan Tindakan Warga Emas perlu dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan kesinambungan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) yang mampan. Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara (PTWEN) merupakan komitmen Kerajaan ke arah mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati serta mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong peningkatan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.
20. Semua inisiatif yang dirancang oleh Kerajaan yang dinyatakan di atas tadi memerlukan komitmen dan kerjasama jitu daripada semua agensi pelaksana.

#### **D) HARAPAN DI MASA MENDATANG**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

21. Seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat dan perubahan-perubahan lain yang membawa berbagai-bagai isu, cabaran dan peluang baharu, Kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlu bersedia untuk berkembang dan mengubah landskap penyampaian perkhidmatan supaya menjadi lebih berkesan dan efektif setiap masa.
  
22. Harapan saya agar Kementerian terus memandang ke hadapan, mencari ruang dan peluang dalam apa jua cara untuk memantapkan perkhidmatan kepada warga emas di Negara ini. Jadikan dokumen nasional seperti Pelan Ekonomi Madani, Rancangan Malaysia ke 12 serta pengalaman lalu sebagai panduan dalam memberikan penyampaian yang terbaik kepada rakyat.

#### E) **PENUTUP**

23. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua hadirin yang hadir ke Majlis pada petang ini.

Saya dengan sukacita meluncurkan **SAMBUTAN HARI WARGA EMAS PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023.**

Sekian, terima kasih.